

# Moratorium perlu dilanjutkan

Bantu ribuan pekerja Malaysia yang telah diberhentikan kerja akibat wabak Covid-19



**Analisis BERITA**

LIZA MOKHTAR

**B**iar pun pahit untuk ditelan, hakikatnya senario semasa pandemik koronavirus (Covid-19) telah memberi kesan terhadap pelbagai aspek kehidupan terutamanya kedudukan kewangan individu dan isi rumah di Malaysia dan juga di seluruh dunia.

Sebelum kehadiran virus maut yang melumpuhkan sektor ekonomi dan menyebabkan ramai kehilangan punca pendapatan itu, kita seolah-olah leka dan tidak menitikberatkan perkara berkaitan pengurusan kewangan.

Kini, ramai yang berasa terbeban dan buntu dalam melunaskan segala macam tanggungjawab termasuk membuat pembayaran balik pinjaman kepada institusi kewangan.

Pengumuman penangguhan bayaran balik selama enam bulan bagi Sewa Beli dan pembiayaan berkadar tetap secara automatik oleh Bank Negara Malaysia bermula 1 April lalu hingga 30 September, ternyata memberi nafas lega kepada banyak pihak.

Namun tinggal beberapa bulan sebelum moratorium itu berakhir, adakah rakyat negara ini sudah bersedia untuk kembali membuat pembayaran seperti asal atau ia perlu dilanjutkan dengan beberapa syarat tertentu?

Ketua Penganalisis Ekonomi Bank Islam, Dr Mohd Afzanizam Abdul Rashid berkata, sekiranya moratorium dilanjutkan, ia perlu melalui proses permohonan dan hanya mereka yang benar-benar layak diberikan penangguhan.

"Kita tidak mahu situasi *moral hazard* yang mana masyarakat mengambil mudah dalam hal pembayaran hutang ini.

"Justeru, langkah untuk memanjakan penangguhan perlu bersasar. Kita perlu melihat kedudukan kewangan seseorang itu dengan lebih menyeluruh seperti melibatkan penstrukturan semula hutang-hutang yang sedia ada supaya dapat dilunaskan dengan lancar," katanya kepada *Sinar Harian*.



Bank Negara Malaysia menetapkan tempoh berkuat kuasa moratorium adalah dari 1 April 2020 hingga 30 September 2020.

Menurut Mohd Afzanizam, sektor perbankan sememangnya berada di posisi yang kukuh dan bank-bank di Malaysia mempunyai kecairan dan modal yang tinggi.

"Perkara ini membolehkan mereka boleh terus menjalankan perniagaan seperti biasa iaitu menerima deposit dan memberi pinjaman. Bagaimanapun, risiko tetap ada dan bank-bank akan lebih berhati-hati dalam meluluskan sesuatu permohonan pinjaman itu," katanya.

Ditanya apa syarat yang boleh dikenakan sekiranya moratorium dilanjutkan, Mohd Afzanizam berkata, pertama, perlu dipastikan sektor ekonomi yang masih lagi terjejas meskipun Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) telah dilaksanakan.

"Kedua, peminjam perlu telus dan jujur dalam menilai kedudukan kewangan mereka," katanya.

Beliau menambah, literasi kewangan amat penting diterapkan kepada seluruh rakyat Malaysia supaya isu keberhutangan yang tinggi dapat dielakkan. Jadi jika berlaku suatu bencana kewangan, kesannya dapat diminimumkan.

"Contohnya, bagi mereka yang mempunyai aset cair seperti wang tunai, saham, unit amanah, barang kemas dan sebagainya, aset-aset ini boleh digunakan untuk melunaskan hutang sekiranya berlaku bencana ekonomi dan kewangan peribadi.

"Oleh itu, amat penting untuk memastikan seseorang itu betul-betul mampu dalam melunaskan hutang sebelum mengambil sesuatu fasiliti kewangan.

"Contohnya, nisbah pembayaran hutang atau Debt Service Ratio (DSR) yang rendah menandakan seseorang itu mempunyai keupayaan yang tinggi untuk membayar hutang. Jadi janganlah DSR ini melebihi angka yang tinggi



MOHAMAD FAZLI

seperti 70 peratus dan ke atas. DSR yang tinggi menyebabkan seseorang itu terdedah kepada bahaya kewangan seperti pengurangan pendapatan," katanya.

## Insentif

Berdasarkan ketidaktentuan situasi ekonomi domestik dan antarabangsa serta politik, lanjutan moratorium selama enam bulan lagi sudah pasti memberikan ruang selesa kepada rakyat yang telah diberhentikan kerja.

Pakar Kewangan Pengguna, Profesor Madya Dr Mohamad Fazli Sabri berkata, pelaksanaan moratorium merupakan satu insentif yang amat membantu.

"Pelaksanaan moratorium ini banyak membantu dengan memastikan kuasa beli pengguna boleh diteruskan sekali gus merangsang pendapatan dan ekonomi negara," katanya.

Mohamad Fazli yang juga Timbalan Dekan Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM) berkata, selain meringankan bebanan kewangan individu dan isi rumah yang

terjejas teruk ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan selama hampir tiga bulan, moratorium turut memberi peluang kepada orang ramai menambah tabungan.

Mohamad Fazli berkongsi Kaji Selidik Keupayaan dan Rangkuman Kewangan Dari Sudut Permintaan 2018 (*Financial Capability and Inclusion Demand Side Survey 2018, FCI 2018*) oleh Bank Negara Malaysia yang mendedahkan empat perkara yang membimbangkan tentang rakyat Malaysia iaitu tahap pengetahuan kewangan, simpanan dan belanjawan, kesediaan menghadapi peristiwa yang tidak dijangka dalam kehidupan dan perancangan untuk persaraan.

"Kajian menunjukkan bahawa lebih daripada satu per dua (52 peratus) rakyat Malaysia menyatakan sukar buat mereka untuk menyediakan sejumlah wang sebanyak RM1,000 sekiranya berlaku kecemasan.

"Hanya 24 peratus rakyat Malaysia dapat menampung perbelanjaan sara hidup untuk sekurang-kurangnya tiga bulan atau lebih sekiranya kehilangan sumber pendapatan utama mereka. Hanya 10 peratus yang menyatakan bahawa mereka boleh bertahan untuk lebih daripada enam bulan.

"Dari sudut pengurusan risiko diri dan keluarga pula, hanya 17 peratus rakyat Malaysia mempunyai insurans hayat dan perlindungan takaful," katanya.

Statistik tersebut menunjukkan rakyat Malaysia mempunyai risiko yang amat tinggi untuk berhadapan dengan masalah kewangan peribadi yang serius sekiranya mereka tidak mempunyai simpanan yang mencukupi bagi keperluan masa kecemasan dan masa hadapan.

Kajian oleh penyelidik tempatan turut mendapati kebanyakan rakyat negara ini menumpukan kepada perbelanjaan keperluan semasa berbanding keperluan masa hadapan.

## MANFAAT TANGGUH BAYARAN BALIK PINJAMAN

The infographic is divided into three columns, each with an icon and a list of benefits:

- PENANGGUHAN BAYARAN BALIK PINJAMAN BANK** (Icon: Loan document)
  - Bermula 1 April 2020
  - Tawaran moratorium/ penangguhan bayaran balik sehingga 6 bulan
  - Untuk peminjam individu & perusahaan kecil sederhana (PKS)
- PENYUSUNAN SEMULA BAKI KAD KREDIT** (Icon: Credit card)
  - Menukar baki kad kredit kepada pinjaman berjangka
  - Fiexsibiliti penangguhan pembayaran; 1 April 2020 - 31 Dis 2020
- PINJAMAN KORPORAT** (Icon: Money and laptop)
  - Menyusun semula pembayaran balik
  - Membolehkan syarikat mengekalkan pekerjaan & meneruskan perniagaan

JUMLAH MANFAAT SEKURANG-KURANGNYA RM100 BILION KEPADA PEMINJAM

